

PREDIKAT TERBAHAGI BAHASA MELAYU: TUMPUAN KEPADA FUNGSI GRAMATIS KETERANGAN

Norsofiah Abu Bakarⁱ & Radiah Yusoffⁱⁱ

ⁱ Pensyarah Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. abnorsofiah@usm.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, radiah@usm.my

Abstrak

Kajian ini meneliti kedudukan farasa yang berfungsi sebagai keterangan dalam ayat penyata bahasa Melayu, terutamanya ayat tunggal. Data kajian diperoleh menerusi data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini bertitik tolak daripada kekeliruan fungsi gramatis keterangan yang dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan* (2009) dan *Tatabahasa Asas* (2012). Dari segi terminologi sintaksis, keterangan merupakan elemen yang bersifat opsyenal, namun dalam contoh yang dikemukakan oleh kedua-dua buku tatabahasa ini menimbulkan isu. Isu pertama, contoh yang dikemukakan tidak menggambarkan ciri fungsi gramatis keterangan dan isu kedua, keterangan berada di kedudukan akhir ayat. Berlandaskan isu yang dikemukakan, objektif kajian ini ialah menganalisis secara deskriptif kedudukan keterangan dalam ayat dan mengemukakan contoh ayat daripada data korpus yang menunjukkan bahawa terdapat unsur keterangan yang berada pada kedudukan awal ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat ayat bahasa Melayu yang keterangan dan predikat berada pada awal ayat. Di samping itu, didapati bahawa keterangan tidak semestinya berada dalam predikat, atau predikat tidak semestinya hadir selepas predikat. Predikat terbahagi, iaitu kedudukan keterangan yang berada pada awal ayat menunjukkan bahawa elemen keterangan telah mengalami proses pergerakan. Kajian ini juga berpendirian bahawa isu istilah seperti istilah keterangan perlu diselaraskan dengan konvensi linguistik supaya tidak timbul kekeliruan berkenaan fungsi gramatis keterangan.

Kata kunci: *data korpus, predikat, keterangan, bahasa Melayu, fungsi gramatis*

1.0 PENGENALAN

Umumnya, predikat merupakan unsur penting dalam pembinaan ayat. Predikat diungkapkan oleh frasa kerja dan frasa adjektif. Hal ini bermakna bahawa sesuatu yang dikatakan ayat, mestilah mengandungi predikat. Menurut Asmah (2009), dalam sistem ayat bahasa Melayu terdiri daripada Subjek-Predikat yang boleh terdiri daripada objek dan adjung. Dalam hal ini, objek dan adjung bersifat opsyenal. Ciri opsyenal ini mungkin disebabkan oleh terdapat sesetengah kata kerja yang tidak memerlukan objek selepasnya. Contohnya dalam (1):

- (1) Abang tidur.
- (2) Abang tidur pada pukul 10 malam di bilik ayah.

Berdasarkan ayat (1), kata kerja 'tidur' merupakan kata kerja tak transitif yang tidak memerlukan objek, iaitu kata kerja yang hanya memerlukan satu argumen frasa nama subjek. Bagi ayat (2) pula, frasa sendi nama berfungsi sebagai adjung yang boleh digugurkan kehadirannya. Dalam kata lain, pengguguran frasa sendi nama tidak menjadikan ayat (2) tidak gramatis.

Bahasa Melayu sebagai bahasa aglutinatif mempunyai aturan S(ubjek)-K(ata kerja)-O(bjek). Pada kedudukan predikat, mana-mana konstituen dalam predikat sama ada objek atau keterangan yang berada di kedudukan awal ayat tidak lagi akur kepada aturan SKO. Kelihatannya tiada isu berkaitan dengan unsur predikat ini. Walau bagaimanapun, unsur predikat yang berfungsi sebagai keterangan telah menimbulkan isu dan kekeliruan kepada pengguna bahasa.

Buktinya, Nik Safiah et al. (2009) menyatakan bahawa unsur keterangan dalam predikat telah mengalami proses pendepanan. Misalnya, pendepanan frasa preposisi sebagai keterangan dalam predikat.

- (3) (a) Saya berpegang **pada janji** (Nik Safiah et al. 2009: 483).
 (b) **Pada janji** saya berpegang (Nik Safiah et al. 2009: 483).

Berdasarkan ayat (3a) dan (3b), frasa preposisi 'pada janji' tidak boleh dianggap sebagai keterangan. Dengan kata lain, 'pada janji' bukanlah bergungsi sebagai keterangan. Sebaliknya, frasa preposisi 'pada janji' boleh dikatakan berfungsi sebagai komplemen. Hal ini kerana, kata kerja 'berpegang' merupakan kata kata kerja tak transitif yang memerlukan argumen. Argumen merupakan satu istilah yang menunjukkan sesuatu elemen yang dikehendaki oleh kata kerja (Tallerman, 2011). Jika elemen tersebut tidak hadir atau tidak menepati keperluan kata kerja, maka terhasil ayat yang tidak gramatis. Sebaliknya, definisi keterangan ialah elemen yang bersifat opsyenal. Hal ini bermakna, jika digugurkan elemen keterangan ayat yang terhasil masih gramatis. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Tallerman (2011:63) yang menyatakan bahawa keterangan atau adjung sebagai "...they are optional modifying phrases". Bagi ayat (3a-b), jika digugurkan elemen 'pada janji', maka yang terhasil adalah tidak gramatis seperti dalam (4):

- (4) *Saya berpegang.

Terdapat juga contoh dalam Nik Safiah et al. (2009) yang menepati definisi keterangan, seperti dalam (5a-b):

- (5) a. Encik Ali akan menghadiri kursus itu **pada hujung minggu ini**.
 b. **Pada hujung minggu ini** Encik Ali akan menghadiri kursus itu.

Berdasarkan ayat (5a-b), frasa preposisi 'pada hujung minggu ini' berfungsi sebagai keterangan. Hal ini demikian kerana frasa preposisi 'pada hujung minggu ini' jika digugurkan ayat (5a-b) masih gramatis seperti dalam (6):

- (6) Encik Ali menghadiri kursus itu.

Ayat dalam (6) menepati ciri fungsi keterangan seperti dalam bahasa Inggeris. Perhatikan contoh (7):

- (7) We're leaving **next week/today/tomorrow** (FN) (Tallerman, 2011: 63).
 We're leaving **in a week** (PP) (Tallerman, 2011:63).

Berdasarkan contoh (7), frasa nama 'next week', 'today', 'tomorrow' dan 'in a week' merupakan keterangan, atau istilah lain disebut sebagai adjung yang bersifat opsyenal.

Berdasarkan contoh di atas, ternyata terdapat percanggahan fungsi gramatis keterangan yang dikemukakan oleh Nik Safiah et al. (2009). Dalam hal ini, istilah frasa sendi nama sebagai keterangan dalam predikat berserta dengan contoh yang dikemukakan oleh Nik Safiah et al. (2009) telah menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa Melayu. Tambahan pula, buku *Tatabahasa Dewan* merupakan rujukan utama pengguna bahasa Melayu, terutamanya guru bahasa Melayu dan menjadi tatabahasa pegangan di sekolah.

Di samping, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat kekeliruan dengan penggunaan istilah, iaitu istilah 'frasa keterangan' yang terdapat dalam buku rujukan *Tatabahasa Asas* (2012). Buku *Tatabahasa Asas* (2012) merupakan rujukan utama bagi pelajar tingkatan enam. Frasa keterangan ditakrifkan sebagai frasa yang menerangkan atau menjelaskan frasa kerja, frasa adjektif dan frasa preposisi dalam ayat (Ahmad Khair et al., 2012). Penggunaan istilah frasa keterangan ini ternyata mengelirukan kerana dalam bahasa Melayu, penahu bahasa Melayu bersetuju bahawa dalam bahasa Melayu frasa dikaitkan dengan kelas atau golongan kata. Misalnya, Asmah (2009) memperlihatkan bahasa Melayu mempunyai kata nama, kata kerja, kata sifat, kata adverba, kata bilangan dengan setiap golongan kata ini mempunyai frasa seperti frasa nama, frasa kerja, frasa sifat, frasa adverba dan frasa bilangan. Persoalan yang timbul apakah proses pembentukan frasa keterangan? Apakah proses ini sama dengan frasa yang terbentuk daripada golongan kata? Ternyata, istilah sangat mengelirukan.

Perhatikan contoh (8)- (10):

(8) Adik saya membaca al-Quran **sungguh lancar** (Ahmad Khair et al., 2012: 297).

(9) Pelajar itu datang **hari itu** (Ahmad Khair et al., 2012: 297)..

(10) Nanas amat manis **pada pangkalnya**(Ahmad Khair et al., 2012: 297). .

Ayat (8) – (10) menunjukkan bahawa frasa 'sungguh lancar', 'hari itu' dan 'pada pangkalnya' dikatakan sebagai frasa keterangan (Ahmad Khair et al., 2012: 297). Menurut Ahmad Khair et al. (2012), frasa keterangan merupakan frasa tambahan yang hadir pada kedudukan selepas frasa kerja, frasa adjektif dan frasa preposisi. Misalnya:

(11) Pelajar itu tiba **lewat sekali** (Ahmad Khair et al., 2012: 299).

(12) Pegawai itu sungguh cekap **sejak dulu** (Ahmad Khair et al., 2012: 300).

(13) Bayi itu di pangkuan ibunya **setiap waktu** (Ahmad Khair et al., 2012: 300).

Ayat (11) – (13) menunjukkan bahawa 'lewat sekali', 'sejak dulu' dan 'setiap waktu' berfungsi sebagai keterangan yang boleh berada pada kedudukan awal ayat seperti dalam (11)', (12)' dan (13)':

(11)' **Lewat sekali** pelajar itu tiba.

(12)' **Sejak dulu** pegawai itu sungguh cekap.

(13)' **Setiap waktu** bayi itu di pangkuan ibunya.

Kedudukan keterangan pada awal ayat tidak menimbulkan masalah ketidakgramatisan ayat. Persoalan yang timbul, mengapa ciri ini tidak diketengahkan dalam buku tatabahasa bahasa Melayu? Di samping itu, kedudukan keterangan pada awal ayat ini dikenali sebagai predikat terbahagi.

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, kajian ini menggariskan dua objektif. Pertama, menganalisis secara deskriptif peri laku keterangan dan kedua, kajian ini cuba mengemukakan kedudukan keterangan pada awal ayat berdasarkan penggunaan data korpus.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Data korpus DBP menggunakan peranti konkordans. Melalui peranti ini, data yang menunjukkan keterangan pada kedudukan awal ayat dapat dianalisis dan disusun secara sistematik. Penggunaan data korpus ini dapat memberikan data atau bukti bahasa yang empirikal dan autentik. Di samping itu, penggunaan data korpus dapat mengemukakan bukti bahasa yang digunakan oleh penutur natif sebenar (Norliza, 2015).

Sehubungan dengan itu, kajian ini berpendapat bahawa ayat bahasa Melayu yang dikutip daripada data korpus jelas dapat mewakili bahasa penutur jati bahasa Melayu.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa banyak ayat dalam mempunyai unsur keterangan di berada pada kedudukan awal ayat. Perhatikan dalam Jadual 1.

Bil.	Contoh
1	Kelmarin , bilik guru Sekolah Menengah Tun Dr Ismail di sebuah kawasan mewah di ibu kota dibakar.
2	Pada tahun kedua , wang daripada ibunya masih ada, tetapi suratnya hanya setengah kajang.
3	Kali ini lewat Nisah membuat ramalan.
4	Sekarang manusia hidup dalam zaman tamadun tinggi.

Sumber: Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka

4.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa fungsi gramatis keterangan boleh berada di kedudukan awal ayat. Kajian ini berpandangan bahawa frasa yang berfungsi sebagai keterangan seperti 'kelmarin', 'pada tahun kedua', 'kali ini lewat' dan 'sekarang' pada asalnya berada pada kedudukan predikat. Hal ini sejajar dengan aturan bahasa Melayu, iaitu S(ubjek) K(ata kerja) O(bjek). Jika keterangan berada di kedudukan awal ayat, ini bermakna telah berlaku pergerakan keterangan daripada kedudukan asal ke kedudukan awal ayat. Pergerakan ini dijelmakan dalam representasi linear di bawah:

(14) Sekarang_i manusia hidup dalam zaman tamadun tinggi t_i.



Daripada (14), pergerakan 'sekarang' menunjukkan bahawa predikat tidak semestinya hadir selepas subjek. Kehadiran 'sekarang' pada ayat menunjukkan bahawa berlaku predikat terbahagi iaitu subjek seolah-olah membelah predikat menjadi dua. Pergerakan 'sekarang' menunjukkan bahawa sebahagian predikat telah melalui proses pergerakan. Di samping, kajian ini berusaha untuk membuktikan bahawa frasa yang menjalankan fungsi keterangan bersifat opsyenal, yakni boleh digugurkan. Pengguguran keterangan tidak akan menjejaskan kegramatisan ayat.

5.0 KESIMPULAN

Bukti daripada korpus menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu berlaku predikat terbahagi. Dalam hal ini, unsur keterangan boleh berada di kedudukan awal ayat. Kewujudan keterangan pada awal ayat nyata bertentangan dengan pandangan yang dinyatakan dalam *Tatabahasa Dewan* dan *Tatabahasa Asas*. Pertentangan ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa. Di samping itu, istilah yang digunakan perlulah seragam terutamanya istilah keterangan yang jelas dalam sintaksis merupakan fungsi tatabahasa yang boleh digugurkan atau bersifat opsyenal.

RUJUKAN

- Ahmad Khair Mohd Nor, Raminah Hj Sabran, Nawi Ismail dan Ton Ibrahim. (2014). *Tatabahasa Asas*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Pustaka Salam dan Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2009). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tallerman, M. (2011). *Understanding Syntax*. Third Edition. London: Hodder Education.

Biodata Ringkas Penulis

Norsofiah Abu Bakar ialah pensyarah di Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang beliau ialah sintaksis, morfologi dan linguistik klinikal.

Radiah Yusoff ialah pensyarah kanak di Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang beliau ialah morfologi, sintaksis dan linguistik umum.